

# Fokus tiga keperluan utama

Belanjawan 2022 tumpu lindungi, pulih kesihatan dan ekonomi rakyat

Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM

SHAH ALAM

**B**elanjawan 2022 akan memberi tumpuan untuk terus melindungi, memulihkan kehidupan, mata pencarian rakyat dan perniagaan.

Kementerian Kewangan (MOF) dalam satu kenyataan Pra-Belanjawan 2022 pada Selasa berkata, ini termasuklah membina semula daya ketahanan negara dan memangkin pembaharuan pasca-pandemik.

Kata kenyataan itu, Belanjawan 2022 dirangka berdasarkan tiga keperluan utama dan turut mengambil kira jangkaan situasi ekonomi yang akan pulih daripada kesan pandemik Covid-19 pada tahun hadapan.

“Pertama, meneruskan program bantuan dan sokongan untuk memasti-

kan pemulihan negara daripada kesan jangka panjang krisis pandemik terhadap kesihatan awam dan struktur ekonomi selaras dengan pembukaan sektor ekonomi secara berperingkat melalui Pelan Pemulihan Negara (PPN).

“Kedua, menentukan kesinambungan dasar. Bantuan untuk menyokong rakyat dan perniagaan agar kekal berdaya tahan dalam menghadapi krisis bagi terus melindungi mata pencarian, kehidupan rakyat dan perniagaan,” ujar kenyataan tersebut.

Ketiga, kata kenyataan itu memangkin pembaharuan pasca-pandemik supaya negara mampu bangkit dengan lebih perkasa dan berdaya saing serta berteraskan pembangunan negara yang lebih terangkum dan mampan.

Mengulas lanjut, MOF berkata, Belanjawan 2022 akan berusaha untuk memastikan tiada pihak yang tercicir dalam menerima bantuan dan sokongan kerajaan sama ada rakyat mahupun perniagaan terutamanya pihak yang terjejas teruk disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berpanjangan tahun ini.



Pada masa sama, MOF memaklumkan Belanjawan 2022 akan disejajarkan bersama Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang bakal dibentangkan di Parlimen pada September ini.

Katanya, belanjawan itu juga merupakan pemangkin ke arah pelaksanaan RMK12 yang akan memacu pertumbuhan, keterangkuman dan kelestarian ekonomi dalam jangka sederhana berteraskan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

“Kerajaan sedang melaksanakan pelbagai sesi libat urus dan konsultasi bagi mendapatkan input dan cadangan daripada pelbagai pihak bagi memastikan bajet yang dirangka adalah komprehensif dan memenuhi aspirasi segenap pihak selaras dengan iltizam Keluarga Malaysia.

“Kerajaan juga berharap dengan penerbitan kenyataan Pra-Bajet ini akan membantu menetapkan tahap jangkaan rakyat terhadap Belanjawan 2022 yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada 29 Oktober ini,” jelasnya.

## Kerajaan teliti langkah tingkat hasil cukai

**SHAH ALAM** - Kerajaan sedang meneliti langkah bagi meningkatkan hasil cukai melalui peningkatan pematuhan cukai selain menangani ketirisan hasil.

Menurut Kenyataan Pra-Belanjawan 2022 yang dikeluarkan Kementerian Kewangan (MoF) pada Selasa, antara cadangan termasuk pelaksanaan Program Khas Pengakuan Sukarela (SVPD) bagi cukai tidak langsung yang ditadbir oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Menurutnya, melalui program ini, pembayar cukai digalakkan tampil secara sukarela bagi mengikrarkan apa-apa cukai yang tidak dilaporkan, terkurang atau tersilap dilaporkan kepada Jabatan Kastam.

Langkah lain ialah memperkenalkan Sijil Pematuhan Cukai sebagai satu prasyarat baharu yang perlu dipatuhi oleh penender semasa mengambil bahagian dalam perolehan kerajaan selain mengkaji semula layanan cukai yang dikenal pasti mempunyai elemen ketirisan hasil atau amalan yang menjejaskan serta melaksanakan nombor pengenalan cukai (TIN).

“Insentif fiskal termasuk cukai merupakan antara faktor penarik pelaburan namun ia boleh memainkan peranan penting sebagai alat dasar yang strategik,” menurut MoF.

## 10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

SETAKAT JAM 5 PETANG SELASA

**1 UNIKNYA TUN MALAYSIA DAN TUN MARDEKA**

**2 'PAK GUARD' MENINGGAL, POLIS KLASIFIKASI SEMULA KES SEBAGAI BUNUH**

**3 LELAKI MAUT TERKENA TAJI AYAM SENDIRI**

**4 ANTIVAKSIN KINI MENGGELUPUR KERANA TIDAK DAPAT MAKAN DI KEDAI**

**5 PERUBAHAN IKLIM, NEGARA TERANCAM**

**6 WARGA EMAS SELESAI KUARANTIN COVID-19 MAUT, AMBULANS MASUK LONGKANG**

**7 AHMAD FAIZAL MOHON MAAF**

**8 PENGANGGUR DIJEL 18 BULAN GUNA WANG PALSU BELI NASI, ROKOK**

**9 COVID-19 RAGUT NYAWA WANITA HAMIL LIMA BULAN**

**10 TDM SAHKAN ANGGOTA DIKHUATIRI LEMAS KETIKA LATIHAN DI BERA**

## Standards Malaysia hargai petugas barisan hadapan

**SHAH ALAM** – Jabatan Standards Malaysia (Standards Malaysia) dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikannya menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) telah mengambil inisiatif memberikan bantuan kepada petugas barisan hadapan Hospital Serdang sebagai menghargai pengorbanan mereka.

Standards Malaysia berkata, program CSR itu dilaksanakan sem-

pena sambutan ulang tahun ke-25 penubuhannya iaitu pada 28 Ogos 1996.

“Standards Malaysia mengagih dan menyerahkan sumbangan kepada petugas barisan hadapan dan berharap program ini dapat membakar semangat supaya terus cemerlang dalam bidang tugas mereka.

“Sumbangan yang diberikan ialah barang makanan kering, roti, biskut dan minuman serta tidak ketinggalan barang-barang promosi Standards

Malaysia,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Sementara itu, Ketua Pengarah Standards Malaysia, Shaharul Sadri Alwi berterima kasih kepada petugas barisan hadapan Hospital Serdang kerana tidak pernah lesu dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

Beliau berkata, sambutan ulang tahun Standards Malaysia pada tahun ini bertepatan Standard dan Akreditasi: 25 Tahun Yang Cemerlang.



Wakil Standards Malaysia (kiri) bergambar bersama petugas barisan hadapan Hospital Serdang ketika menyerahkan sumbangan sempena sambutan ulang tahun Standards Malaysia yang ke-25.